

**Ambil tindakan mengikut Akta Hasutan, bukti BN lidah bercabang,
kata Guan Eng
Malaysian Insider
Sept 3, 2014**

Tindakan mendakwa pemimpin pembangkang, seorang ahli akademik dan badan peronda sukarela atas tuduhan menghasut dan tuduhan jenayah lain, membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) bersikap 'lidah bercabang', kata Lim Guan Eng.

Setiausaha agung DAP itu berkata, penggunaan undang-undang menindas itu untuk membisukan kritikan tiada bezanya dengan 'carpet-bombing' yang merebak hingga masyarakat awam seperti seorang ahli akademik undang-undang, tanpa perkaitan politik pun, terjebak sama.

"Sekiranya seorang bekas timbalan dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya boleh didakwa menghasut kerana memberi pandangan akademiknya mengenai undang-undang, sudah tidak wujud lagi rasa hormat terhadap kedaulatan undang-undang di Malaysia," katanya.

Lim merujuk kepada Prof Madya Dr Azmi Shahrom yang didakwa kerana artikel bertajuk "Take Perak crisis route for speedy end to Selangor impasse, Pakatan told" (Ambil jalan krisis Perak, selesaikan segera kebuntuan Selangor, Pakatan diberitahu), dilaporkan sebuah portal berita pada 14 Ogos.

"Di manakah lagi harapan untuk keadilan sekiranya pensyarah undang-undang pun boleh disumbat ke penjara kerana pendapat akademiknya? Malaysia akan menjadi bahan ketawa dunia.

"Namun, tragedi sedih yang sebenarnya ialah 28 juta rakyat Malaysia akan rugi kerana dinafikan pendakwaan yang adil dan tidak berat sebelah, yang memastikan hanya mereka yang salah didakwa dan bukan mereka yang tidak bersalah," katanya.

Dalam satu kenyataan hari ini, Lim mengecam sekeras-kerasnya tindakan kerajaan BN mendakwa Azmi, yang merupakan pensyarah fakulti undang-undang paling cemerlang di Malaysia.

Lim berkata, BN membuktikan ia bercakap dengan lidah bercabang apabila membuat janji palsu untuk memansuhkan Akta Hasutan sedangkan sebenarnya ia sedang cuba mengambil tindakan keras terhadap mana-mana pendapat yang membangkang.

Sebelum Azmi, turut menjadi mangsa pendakwaan di bawah akta berkenaan ialah N Surendran dan Chua Tian Chang dari PKR, Teresa Kok dan RSN Rayer (DAP) dan Khalid Samad (PAS).

Pemimpin PKR Rafizi Ramli juga didakwa mengancam keamanan berikutan komennya terhadap ahli Umno manakala bekas Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin daripada PAS didakwa di bawah kesalahan fitnah jenayah.

"Apakah tujuan janji Najib memansuhkan akta itu pada 2012, yang kemudian diulanginya pada Julai 2013 ketika diwawancara British Broadcasting Corporation," katanya. – 3 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ambil-tindakan-mengikut-akta-hasutan-bukti-bn-lidah-bercabang-kata-guan-eng#sthash.VbIoDrdB.dpuf>